



# KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

Bil : (73)KPFB/A-01-01 Pt.8

Tarikh : 1 Oktober 2014

Semua anggota yang dihargai,

Tuan/Puan,

## **PEMBERITAHUAN:**

### **ATURAN TUNTUTAN DAN BAYARAN DIVIDEN KEPADA WARIS ANGGOTA YANG TELAH MENINGGAL DUNIA**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Yang Ke 33 ("MAPT") pada 21 Jun 2014 telah meluluskan pindaan kepada undang-undang kecil berkaitan pelaksanaan bayaran dividen atau keuntungan kepada waris anggota-anggota yang telah meninggal dunia.

2. Mengikut undang-undang kecil KPF 21.(1)(a) seseorang terhenti menjadi anggota KPF (*bukan lagi anggota KPF*) kerana meninggal dunia dan semua wang kepunyaannya melainkan nilai syer miliknya setelah ditolak hutangnya dengan koperasi akan dikembalikan kepada penama atau warisnya yang sah mengikut fasal 24.(1)(d) undang-undang kecil.

3. Tertakluk kepada pematuhan Syariah, wang kepunyaan anggota yang belum dituntut oleh waris, akan disimpan oleh KPF di bawah konsep ***Qard (Pinjaman)*** dan wang tersebut akan diurusniagakan dalam aktiviti pelaburan KPF mengikut ~~bawah~~ konsep ***Musyarakah (Perkongsian)***. Melalui konsep ini keuntungan daripada aktiviti pelaburan KPF akan dikongsi bersama berdasarkan nisbah modal masing-masing begitu juga sebaliknya.

4. Di bawah konsep *Qard* dan *Musyarakah* ini selepas 6 bulan dari tarikh kematian anggota, wang anggota yang meninggal dunia akan dibayar keuntungan mengikut kadar **akaun deposit berjangka mudharabah KPF** dan bukan dividen tahunan. Selepas 12 bulan dari tarikh kematian, KPF berhak memperlakukan likuidasi (pencairan) ke atas wang anggota tersebut sama ada diserahkan kepada ahli waris/wasi atau Pentadbir Pusaka;

5. Untuk waris mendapatkan bayaran wang kepunyaan anggota atau keuntungan yang layak ke atas wang tersebut, waris anggota perlu mengemukakan surat tuntutan dengan menyertakan dokumen-dokumen sokongan yang telah disahkan seperti berikut:-

- (a) Salinan sijil kematian
- (b) Salinan kad pengenalan waris
- (c) Surat perintah pembahagian harta pusaka

6. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab waris selepas kematian seseorang anggota untuk segera melaksanakan perkara-perkara berikut:

- (a) Memaklumkan kematian anggota kepada KPF dalam tempoh masa 6 bulan selepas kematian anggota tersebut;
- (b) Sekiranya waris gagal memaklumkan kepada KPF dalam tempoh yang telah ditetapkan, KPF berhak untuk memperlakukan modal syer anggota tersebut sebagai dana 'Qard' (Pinjaman);
- (c) Tertakluk kepada peruntukan undang-undang kecil 24(1)(d), selepas 12 bulan dari tarikh kematian, KPF berhak memperlakukan likuidasi (pencairan) ke atas

- modal syer anggota tersebut sama ada diserahkan kepada mana-mana ahli waris/wasi atau Pentadbir Pusaka;
- (d) Setiap anggota adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada warisnya mengenai aturan para enam ( 6 ) di atas.

7. Peraturan ini akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2015.

Sekian.

Yang benar,  
KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

  
(HAJI HANAPI SUHADA)

Setiausaha